

**SULIT**

# **UJIAN PERCUBAAN SPM 2025**

## **PENDIDIKAN ISLAM**

**1223/1**

**Kertas 1**

**Ogos**

**$2\frac{1}{2}$  jam**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

### **JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

- 1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **lima** soalan.*
- 2. Jawab **semua** soalan.*
- 3. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan. Helaian setiap kertas jawapan hendaklah diikat dan dihantar pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 7 halaman bercetak

**1223/1**

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

Jawab **semua** soalan.

- 1 (a) Firman Allah SWT dalam Surah al-An'am, ayat 70,

وَدَرِ الَّذِينَ أَتَخْذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهُوَا وَغَرَّهُمْ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكَرْ بِهِ أَنْ تُبْسَلَ نَفْسٌ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِنْ تَعْدِلُ كُلَّ عَدْلٍ لَا يُؤْخَذُ مِنْهَا أُولَئِكَ الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾

(Surah al-An'am : Ayat 70)

Ayat di atas menerangkan tentang larangan mempersendakan agama. Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan pengertian kalimah yang bergaris di atas. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan mempersendakan Islam. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عن أبي هُرَيْرَةَ رضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : سَبْعَةٌ يُظْلَمُهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ  
يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ، الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ،  
وَرَجُلَانِ تَحَاجَباً فِي اللَّهِ، اجْتَمَعَا عَلَيْهِ، وَتَفَرَّقَا عَنْهُ، وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ دَأَثُ مَنْصِبٍ، وَجَمَالٌ،  
فَقَالَ إِنِّي أَحَافُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَحْخَافَ حَتَّى لَا تَعْلَمُ شَمَائِلُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ  
حَالِيَا، فَقَاضَتْ عَيْنَاهُ.

(متفق عليه)

Hadis di atas menerangkan tentang tujuh golongan yang mendapat naungan Allah SWT. Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Apakah maksud naungan Allah SWT? [2 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** contoh amalan sedekah. [2 markah]
  - (iii) Pada masa kini, amalan bersedekah dilakukan secara terang-terangan dan diumumkan kepada orang ramai.  
Kemukakan pandangan anda tentang amalan tersebut. [4 markah]
- 
- (c) Nyatakan **dua** hukum tajwid mad lazim. [2 markah]

2 (a) Allah SWT mempunyai 99 nama yang sangat indah.

(i) Nyatakan maksud nama Allah SWT al-Muntaqim. [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** kefahaman mengenai nama Allah SWT al-Muntaqim. [4 markah]

(b) Ajaran sesat boleh menjatuhkan imej umat Islam.

(i) Nyatakan maksud ajaran sesat [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** ciri ajaran sesat dari aspek ibadah [2 markah]

(c) Ar-Raqib adalah satu daripada nama Allah SWT yang indah.

(i) Apakah maksud nama Allah SWT Ar-Raqib? [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** kesan beriman kepada nama Allah Ar-Raqib [4 markah]

(iii)

Keimanan kepada Ar-Raqib akan menjadikan seseorang hamba sentiasa berhati-hati dalam melakukan sesuatu perkara agar tidak bercanggah dengan Islam.

Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

- 3 (a) (i) Nyatakan pengertian miqat. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** jenis miqat. [2 markah]
- (iii) Berikan **dua** miqat makani bagi penduduk luar Mekah. [2 markah]
- (iv) Jelaskan **empat** larangan ihram dari aspek pakaian. [4 markah]

(b) (i) Jelaskan **dua** tanggungjawab suami. [2 markah]

Sejak kebelakangan ini terdapat segelintir suami mengabaikan tanggungjawab terhadap keluarga dan memberikan kesan yang besar terhadap institusi kekeluargaan.

- (ii) Berdasarkan situasi di atas, kemukakan pendapat anda bagi mengatasi isu tersebut. [4 markah]

(c) (i) Nyatakan hukum dan alasan bagi situasi berikut:

1. Seorang suami menceraikan isterinya ketika isterinya dalam keadaan hamil. [2 markah]
2. Seorang suami ingin merujuk semula isteri yang telah dicerai dengan talak dua dalam tempoh iddah. [2 markah]

- 4 (a) (i) Nyatakan **dua** ciri kepimpinan khalifah Umar al-Khattab. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** pencapaian khalifah Umar al-khattab dalam aspek ketenteraan. [2 markah]
- (b) (i) Nyatakan secara ringkas sejarah kerajaan Uthmaniyah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** faktor kegembilangan kerajaan Uthmaniyah dari aspek keilmuan. [2 markah]
- (iii) Terangkan iktibar yang boleh diambil daripada pemerintahan kerajaan Uthmaniyah. [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan riwayat hidup Imam Hanbali. [2 markah]
- Kegigihan tokoh empat mazhab dalam menuntut ilmu adalah kunci utama menobatkan mereka sebagai ulama yang tersohor sepanjang zaman.
- (ii) Bagaimanakah anda dapat mencontohi mereka untuk beroleh kejayaan hidup di dunia dan di akhirat? [4 markah]
- (d) (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** sumbangan Ahmad bin Ibrahim dalam bidang kehakiman. [2 markah]

5 (a) Islam menganjurkan umatnya agar menziarahi saudara seagamanya yang sakit.

(i) Nyatakan **dua** adab terhadap orang sakit dari aspek fizikal. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** hikmah beradab terhadap orang sakit. [4 markah]

Islam menitikberatkan umatnya agar beradab terhadap orang sakit.

(iii) Berdasarkan pernyataan di atas, terangkan pandangan anda tentang tanggungjawab masyarakat terhadap orang sakit. [4 markah]

(b) Rasulullah SAW lebih awal menerapkan adab terhadap alam sekitar dengan mendidik melalui akhlak dan teladan.

(i) Senaraikan **dua** adab menjaga alam sekitar. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** punca pencemaran alam sekitar. [4 markah]

Alam sekitar merupakan aset yang penting untuk kelestarian kehidupan semua makhluk di muka bumi ini.

(iii) Mengapakah Islam menganjurkan manusia supaya tidak melakukan kerosakan ke atas alam sekitar? [4 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**